

19 OKTOBER 2017

## Pelakon Malaysia Benjy dipenjarakan 11 tahun


### Pelakon Malaysia Benjy dipenjarakan 11 tahun

**MEDAN 18 Okt** - Pelakon Malaysia, Khaeryll Benjamin Ibrahim atau Benjy telah dijatuhi hukuman penjara 11 tahun selepas didakwa menyeludup dadah jenis methamphetamine.

Benjy ditahan di Lapangan Terbang Kuala Namu, Medan, Sumatera Utara pada 18 April lalu selepas pihak berkuasa menemui 4.5 gram methamphetamine atau syabu yang disorokkan di dalam duburnya.

Pelakon berusia 38 tahun itu turut diperintahkan membayar denda sebanyak AS\$74,000 (RM312,539) oleh Mahkamah Daerah Medan.

"Kami mendapati tertuduh terbukti bersalah di bawah undang-undang memiliki dan mengawal narkotik," kata Ketua Hakim, Wahyu Prasetyo Wibowo.



**BENJY**

Benjy merupakan anak kepada pelakon terkenal, Allahyarham Azean Irdawaty yang meninggal dunia akibat kanser payudara pada tahun 2013.

Benjy pernah ditahan seba-

nyak empat kali atas kesalahan sama di Malaysia.

Awal bulan ini, pihak pendakwaan di Mahkamah Daerah Medan menuntut agar pelakon itu dipenjarakan selama 14 tahun atas kesalahan mengedar dadah.

Pada pendengaran 6 Oktober lalu, pendakwa Maria F Tarigan berkata, Benjy didakwa melanggar Undang-Undang Narkotika 2009.

Indonesia mempunyai beberapa undang-undang anti-narkotik paling tegas di dunia dengan penyeludupan bahan terlarang melebihi lima gram boleh dikenakan hukuman mati.

Tahun lalu tujuh penyeludup dadah dari negara luar termasuk dua dari Australia dikenakan hukuman tembak selepas didapati bersalah berhubung kes penyeludupan dadah. - AFP